

06 SEP 1999

KONVOKESYEN DITUNDA KE PERTENGAHAN NOVEMBER

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Konvokesyen Universiti Teknologi Mara ditunda ke pertengahan November ini berikutan pertukaran namanya yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 26 Ogos lalu.

Konvokesyen asal Institut Teknologi Mara dijadualkan pada 2 Okt hingga 8 Okt ini tetapi terpaksa ditangguhkan berikutan kenaikan taraf institut ke universiti.

Tarikh baru konvokesyen belum ditetapkan.

"Kami sedang giat membuat perubahan dan persiapan dengan imej baru seperti logo dan perubahan jubah graduan," menurut Penyelaras Perhubungan Korporat universiti Zulkipli Abu Bakar dalam satu kenyataan akhbar hari ini.

-- BERNAMA

MEO AKD